

AXCEL SERRATIOPEPTIDASE-5MG TABLET

Serratiopeptidase (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
2. Bagaimana Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet digunakan dalam melegakan keradangan dalam penyakit-penyakit berikut:

- Selepas pembedahan dan trauma.
- Pembengkakan payudara.
- Keradangan
 - Pundi kencing.
 - Tiub yang membawa sperma dari testis.
 - Tisu gusi gigi bongsu.
 - Sinus hidung.
- Gigi bernanah (pus).

Ia juga digunakan untuk merawat kesukaran pengeluaran kahak dalam:

- Bronkitis (keradangan saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru).
- Tuberkulosis pulmonari (jangkitan pada paru-paru).
- Asma.
- Penyakit selepas anestesia.

Bagaimana Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet berfungsi

Serratiopeptidase adalah enzim yang membantu badan dalam pemecahan protein. Ia mempunyai keupayaan untuk mengurangkan kesakitan dengan menghalang pembebasan bahan kimia pendorong kesakitan dari tisu yang meradang.

Sebelum menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada serratiopeptidase atau pada bahan-bahan kandungan dalam produk ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda pernah mengalami alergi pada ubat-ubatan dan keabnormalan darah seperti pendarahan dari hidung dan kahak berdarah.
- Anda menghadapi kegagalan fungsi hati atau buah pinggang yang teruk.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet anda:

- Antikoagulan (untuk penipisan darah).

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja. Untuk diambil 1-2 tablet. Dos perlu disesuaikan mengikut umur dan keadaan individu.

-Bila perlu digunakan

Ambil Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet tiga kali sehari selepas makan atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Doktor anda akan

menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, langkau dos yang lepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan rasa tidak selesa atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

AXCEL SERRATIOPEPTIDASE-5MG TABLET

Serratiopeptidase (5mg)

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Tiada gangguan terhadap keupayaan memandu atau mengendalikan jentera berat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut yang jarang berlaku telah dilaporkan:

- Ruam atau kemerah-merahan.
- Cirit-birit.
- Hilang selera makan.
- Ketidakselesaan gastrik.
- Rasa loya atau muntah.
- Pendarahan dari hidung atau kahak berdarah.
- Renjatan (keadaan mengancam nyawa).
- Simptom tindak balas alergi.
- Radang hati.
- Penyakit kuning (perubahan warna kulit dan mata individu).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di suhu bawah 25°C. Pastikan bekas tertutup rapat.

Lindungi dari kelembapan dan cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Serratiopeptidase-5mg Tablet ialah tablet berwarna merah jambu cair, berbentuk bulat 8mm, dwicembung dan tablet bersalut enterik.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Serratiopeptidase

- Bahan Tidak Aktif:
Microcrystalline Cellulose (Ph 102), Tabletose 80 (Lactose for DC), Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Aerosil R972V, Opadry II (85) White, Acryl-EZE pink dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL10033139X

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)170118/00014